

11 APR 2000

Mahkamah-Anwar

AZMIN BERITAHU PM HANYA MENGENAI TUDUHAN TERHADAP ISTERI

KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Mohamed Azmin Ali berkata beliau hanya menerangkan mengenai tuduhan terhadap isterinya yang terkandung dalam buku "50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM" kepada Perdana Menteri dalam satu pertemuan pada Ogos 1998.

Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Hulu Klang itu memberitahu Mahkamah Tinggi di sini bahawa beliau menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas permintaannya sendiri.

"Saya pergi jumpa Perdana Menteri kerana beliau prihatin bagaimana perasaan saya terhadap tuduhan yang dibuat," katanya ketika disoal balas oleh Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail.

Azmin, 36, bekas setiausaha sulit bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata demikian pada perbincaraan kes liwat Anwar dan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja.

Anwar, 52, dibicarakan bersama-sama adik angkatnya Sukma, 39, terhadap pertuduhan meliwat Azizan Abu Bakar, 39, di apartmen milik Sukma di Tivoli Villa, Bukit Bandaraya di sini, antara Januari dan Mac 1993.

Sukma, seorang ahli perniagaan, turut menghadapi tuduhan bersubahat dengan bekas menteri kewangan itu untuk meliwat Azizan, bekas pemandu peribadi isteri Anwar, di tempat dan pada masa yang sama.

Sebelum itu ketika disoal peguam utama Anwar, Christopher Fernando, Mohamed Azmin berkata pada pertemuan itu Dr Mahathir bertanyakan mengenai adiknya Ummi Hafilda, yang telah menulis surat kepadanya (perdana menteri).

Beliau telah menjelaskan kepada perdana menteri bahawa beliau tidak tahu punca sebenar Ummi berbuat demikian tetapi ada kemungkinan kerana beliau tidak membantunya mendapatkan peluang-peluang perniagaan, kata Mohamed Azmin yang juga menyatakan bahawa Ummi juga menggunakan namanya untuk bertemu tokoh korporat.

Semasa pemeriksaan semula oleh Fernando, Mohamed Azmin berkata tujuan utama beliau menemui Dr Mahathir ialah untuk menerangkan perasaannya terhadap dakwaan terhadap keluarganya.

Katanya beliau pertama kali menerima buku 50 Dalil itu daripada seorang lelaki yang dikenali sebagai Bakar yang datang ke pejabatnya beberapa hari sebelum perhimpunan agung Umno 1998.

Mohamed Azmin berkata setelah memberitahu Anwar, beliau kemudiannya membuat laporan polis berhubung tuduhan terhadap isterinya itu yang mengaitkan hubungan dengan Anwar seperti yang terkandung dalam buku berkenaan, semasa perhimpunan agung Umno Jun 1998.

Mengenai keterangannya sebelum ini bahawa Ummi memberitahunya yang beliau (Ummi) dijanjikan wang untuk mereka-reka tuduhan terhadap Anwar, Mohamed Azmin berkata adiknya tidak memberitahu siapa yang menjanjikannya.

Menjawab pertanyaan Abdul Gani, Mohamed Azmin berkata beliau cuba untuk mendapatkan maklumat daripada Ummi tetapi adiknya enggan menyatakannya.

Sebelum itu, semasa ditanya Fernando, Mohamed Azmin berkata beliau mengenali enam pegawai polis yang memintanya mereka-reka tuduhan bahawa beliau diliwat Anwar dan salah seorang daripada mereka pernah beliau temui di mahkamah.

Perbincaraan disambung esok.

-- BERNAMA

NHD NMO